

15/02/1997

PM, isteri tetamu sambutan perayaan berkembar

KOTA KINABALU, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menjadi tetamu kehormat sambutan berkembar Aidilfitri dan Tahun Baru Cina di Pusat Perdagangan Sabah, Teluk Likas, malam Isnin ini.

Sambutan besar-besaran anjuran kerajaan negeri itu dijangka turut dihadiri lebih 7,000 rakyat pelbagai kaum dari seluruh negeri.

Majlis yang bermula jam 7 malam itu akan diserikan dengan persembahan artis tempatan serta pertunjukan kebudayaan pelbagai suku kaum di Sabah, termasuk tarian Melayu dan masyarakat Cina.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Datuk Lajim Ukin, berkata sambutan berkenaan pertama kali dianjurkan kerajaan negeri dengan dihadiri oleh Perdana Menteri.

Memberitahu sidang akhbar di pejabatnya hari ini, beliau berkata, sambutan bersama itu membawa mesej perpaduan, terutama dalam konteks masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

"Tujuannya antara lain memupuk perpaduan di kalangan rakyat dan Perdana Menteri mahu meraikannya bersama rakyat," katanya.

(END)